

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2022/2023**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD KURSUS : BBD 20603
KOD PROGRAM : BBA/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI/ OGOS 2023
JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT
ARAHAN : 1. JAWAB **SEMUA** SOALAN.

2. PEPERIKSAAN AKHIR INI
DILAKSANAKAN SECARA **TUTUP BUKU**.

3. PELAJAR **TIDAK DIBENARKAN**
MERUJUK KEPADA MANA-MANA
SUMBER RUJUKAN BAGI PEPERIKSAAN
YANG DILAKSANAKAN SECARA TUTUP
BUKU.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **DUA PULUH (20)** MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

- S1 Dalam mengurus sesebuah organisasi, seseorang pengurus perlu menyediakan perancangan kontigensi. Mengapa pelan kontigensi penting untuk memastikan kelangsungan sesebuah organisasi?
- A Membuat penambahbaikan dalam sesuatu perancangan kerja
 - B Mmembuat persediaan untuk menangani kegagalan luar jangka
 - C Membuat penyelarasan untuk meningkatkan keberkesanan kerja
 - D Menukar perancangan kepada tindakan yang lebih teratur dan tersusun
- S2 Antara berikut, manakah merupakan prinsip utama sistem pendidikan di Malaysia?
- A Menyampai dan menggiatkan pengetahuan sains dan teknologi
 - B Meneraju dan memastikan pengurusan pendidikan yang effesien
 - C Memperkasakan pembelajaran sepanjang hayat kepada semua masyarakat
 - D Menyampai perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Memantau prestasi kerja• Membetulkan sebarang penyelewengan yang ketara• Membandingkan dengan matlamat yang telah ditetapkan |
|--|

Rajah S3

- S3 Encik Danial merupakan seorang pengarah di sebuah kolej vokasional. Beliau sering melaksanakan perkara-perkara seperti pada **Rajah S3**. Apakah proses pengurusan yang dapat dikaitkan dengan Encik Danial?
- A Meneraju
 - B Mengawal
 - C Merancang
 - D Mengorganisasi
- S4 Antara berikut manakah merupakan contoh kesamarataan dalam pengurusan pendidikan yang tepat?
- A Beban kerja Cikgu Sofia dan Cikgu Sakinah adalah sama
 - B Jumlah jam bekerja semua guru SMK Parit King adalah sama
 - C Jumlah jam guru bertugas Cikgu Hanie dan Cikgu Idris adalah sama
 - D Jumlah murid yang diajar oleh Cikgu Syahmi dan Cikgu Auni adalah sama
- S5 Apakah tujuan utama British menubuhkan sekolah vernakular di Tanah Melayu sehingga mewujudkan kepelbagaian aliran sekolah?
- A Menyelidik dan membaiki pendidikan orang Melayu
 - B Melaksanakan dasar pecah dan perintah yang dikuat kuasa
 - C Mengelakkan percubaan menghapuskan bahasa dan budaya Cina
 - D Membuat analisis tentang kurikulum sekolah Inggeris dan vernakular

- Mempunyai harapan untuk meningkat
- Mengenal pasti pekerja-pekerja yang berpotensi
- Mengekalkan kerjanya dalam kerja yang baharu
- Memberi fokus kepada prestasi pekerja pada masa hadapan

Rajah S6

- S6** **Rajah S6** menunjukkan contoh-contoh tujuan penilaian prestasi dilaksanakan ke atas pekerja. Antara berikut, manakah tujuan penilaian prestasi yang tepat diterangkan pada **Rajah S6**?
- A Pentadbiran pampasan
 B Menilai potensi pekerja
 C Perancangan sumber manusia
 D Perhubungan dalaman pekerja
- S7** Manakah antara berikut **bukan** pusat pengajian tinggi dalam *Malaysian Technical University Network* (MTUN)?
- A Universiti Sains Malaysia (USM)
 B Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
 C Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
 D Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

- Memotivasikan pekerja
- Menyelesaikan konflik
- Pilih saluran komunikasi berkesan secara langsung

Rajah S8


- S8** Puan Intan, Pengarah Kolej Vokasional Seri Delima sentiasa melaksanakan perkara-perkara seperti pada **Rajah S8**. Apakah proses pengurusan yang ditunjukkan oleh Puan Intan?
- A Meneraju
 B Mengawal
 C Merancang
 D Mengorganisasi
- S9** Pengurusan di institusi pendidikan terutamanya sekolah mempunyai pelbagai matlamat. Antara berikut, manakah merupakan matlamat pelaksanaan pengurusan sesebuah sekolah?
- I Meningkatkan pencapaian murid
 II Pengupayaan pengetua dan guru-guru
 III Menambah baik kualiti dan kecekapan sekolah
 IV Meningkatkan penyertaan ibu bapa dan komuniti dalam urus tadbir sekolah
- A I dan IV sahaja
 B I, II dan III sahaja
 C II, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV

KELAB PENCEGAHAN JENAYAH 2023													
SMK TAMAN BUNGA RAYA 1 (SESI PETANG)													
BIL	AKTIVITI	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGOS	SEP	OKT	NOV	DIS
1.	Pendaftaran & Mesyuarat Agung	■											
2.	Sejarah dan latar belakang KPJ		■										
3.	Ceramah dan Dialog			■									
4.	Kursus/Bengkel/Seminar KPJ				■								
5.	Perkhemahan/Kem Jati Diri					■							
6.	Kempen Anti Jenayah						■						
7.	Pertandingan							■					
8.	Penerbitan Buletin KPJ			■		■		■		■			
9.	Lawatan ke Penjara								■				

Rajah S10

- S10** Manakah antara berikut merupakan tokoh yang memperkenalkan **Rajah S10** untuk memudah dan melancarkan pelaksanaan sesuatu program dalam sesebuah organisasi?
- A Max Weber
 B Henri Fayol
 C Henry Gantt
 D Frederick Taylor
- S11** Antara berikut, manakah merupakan prinsip-prinsip Henry Gantt?
- I Pemilihan ilmiah tenaga kerja atau pekerja
 II Sistem insentif untuk merangsang produktiviti
 III Berkemampuan menggerakkan organisasi untuk mencapai objektif
 IV Kerjasama yang saling menguntungkan antara pekerja dan pemimpin
- A I, II dan III sahaja
 B I, II dan IV sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- S12** Cikgu Kezlyen merupakan seorang guru yang berdedikasi dan bertanggungjawab, bagaimanakah beliau dapat merealisasikan reformasi pendidikan di Malaysia?
- I Melaksanakan program pendidikan bersepadu
 II Mengandaikan murid bersifat homogen dan heterogenus
 III Menggunakan strategi berpusatkan murid semasa pengajaran
 IV Mengurus dan membimbing murid secara demokratik dan kasih sayang
- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, III dan IV sahaja
 D I, II, III dan IV

- S13** Antara berikut, manakah menunjukkan tujuan penilaian prestasi di sesebuah organisasi pendidikan?
- I Membantu mengenal pasti latihan yang sesuai kepada guru
 - II Membantu pengetua membuat perancangan sumber manusia
 - III Mengenal pasti perancangan dan pembangunan kerjaya guru
 - IV Menilai potensi guru untuk menentukan peningkatan potensi
- A I dan IV sahaja
 - B I, II dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV



Rajah S14

- S14** Rajah S14 menunjukkan langkah-langkah penilaian prestasi. Antara berikut, manakah tepat menunjukkan perkara-perakara yang dilaksanakan pada X dalam konteks penilaian prestasi pendidikan?
- I Menyediakan senarai semak yang sesuai dengan bidang
 - II Menyediakan soalan-soalan berbentuk esei untuk diberikan kepada guru
 - III Meningkatkan pengetahuan terkini dan secara berterusan berkaitan kursus
 - IV Melaksanakan inovasi ke arah peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S15** Antara berikut, manakah merupakan objektif perpaduan dalam Wawasan Pendidikan?
- I Cinta akan negara
 - II Memahami setiap budaya
 - III Menghasilkan pelajar cemerlang
 - IV Melahirkan generasi pelbagai budaya
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

- S16** Antara berikut, manakah kaedah penilaian prestasi yang boleh dilakukan oleh pemimpin di sesebuah institusi pendidikan untuk tujuan kenaikan pangkat?
- I Rekod pencapaian
 - II Senarai semak kriteria prestasi pekerja
 - III Penulisan ringkasan prestasi diri sendiri
 - IV Skala pengkadaran berasaskan kelakuan
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S17** Antara berikut, manakah **bukan** peranan pendidikan swasta di Malaysia?
- I Memperkasakan bahasa Melayu
 - II Memberi peluang pendidikan yang lebih luas
 - III Membantu negara ke arah perindustrian maju
 - IV Menyediakan sistem pengurusan pendidikan yang seragam
- A I dan II sahaja
B I dan IV sahaja
C II dan III sahaja
D III dan IV sahaja
- S18** Elemen-elemen dalam Wawasan Pendidikan perlu diamalkan oleh warga pendidikan supaya masyarakat Malaysia yang terhasil dapat memandu negara ke arah kejayaan. Antara berikut, manakah merupakan tiga (3) kunci utama elemen pengupayaan dalam Wawasan Pendidikan?
- I Mencipta autonomi dalam sempadan
 - II Perkongsian maklumat dengan kakitangan
 - III Menekankan perkhidmatan kebajikan dan kesejahteraan warga sekolah
 - IV Menggantikan sistem hierarki tradisional kepada pasukan terarah sendiri
- A I dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S19** Manakah antara berikut menerangkan konsep kepimpinan dengan tepat?
- I Kepimpinan boleh digilap dan dipupuk dari semasa ke semasa
 - II Pemimpin yang baik sentiasa membangunkan keberkesanan kepimpinan
 - III Sifat kepimpinan seseorang pemimpin itu dapat dilihat sejak dari kecil lagi
 - IV Kepimpinan ialah proses untuk membantu meningkatkan fungsi pengajaran
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- S20** Antara berikut, manakah menterjemahkan teori kepimpinan *Situational*?
- I Puan Adrenna mengaplikasi kemahiran mengurus yang tinggi semasa menguruskan organisasinya
 - II Puan Nurain menggunakan budi bicara dan kuasa yang diamanahkan kepadanya semasa membuat keputusan
 - III Encik Nazmi mengaplikasikan *revise pcychology* untuk menyelesaikan masalah guru dibawah seliaannya yang agak baran
 - IV Encik Hakim menggunakan bahasa yang mudah apabila berkomunikasi dengan ibu bapa pelajar yang bekerja sebagai buruh
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S21** Antara berikut, manakah **bukan** halangan yang biasa dihadapi oleh pembuat keputusan dalam sesebuah organisasi?
- I Persaingan
 - II Peraturan organisasi
 - III Akauntabiliti pekerja
 - IV Berkongsi kepimpinan
- A I dan II sahaja
B I dan IV sahaja
C II dan III sahaja
D III dan IV sahaja
- S22** Manakah antara berikut **benar** tentang kurikulum dalam konteks pendidikan di Malaysia?
- I Persediaan rancangan pengajaran harian hendaklah selari dengan kurikulum yang telah ditetapkan
 - II Kurikulum merupakan skop atau isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sesebuah institusi pendidikan
 - III Murid wajib menguasai kurikulum yang telah ditetapkan supaya dapat meneruskan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi
 - IV Kurikulum pendidikan di Malaysia tidak perlu mengalami perubahan untuk memastikan murid mendapat pendidikan yang terbaik
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- S23** Antara berikut, manakah merupakan persamaan antara institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) awam dan swasta?
- I Memenuhi pasaran tenaga kerja dengan membekalkan tenaga mahir dan separa mahir
 - II Menyediakan peluang pengajian dan latihan kepada lepasan sekolah tanpa syarat
 - III Mengaplikasikan kurikulum yang seragam antara institusi TVET awam dan swasta
 - IV Membantu membangunkan ekonomi negara sama ada secara langsung mahupun tidak langsung
- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- S24** Unit Hal Ehwal Murid (HEM) memainkan peranan penting untuk memastikan kelangsungan pengurusan sesebuah institusi pendidikan. Manakah antara berikut merupakan peranan unit HEM?
- I Mengeluar dan menandatangani surat pindah sekolah murid
 - II Menerima, memproses, mengagih dan menguruskan buku teks
 - III Merancang dan menyelaras program orientasi untuk murid baharu
 - IV Menyelaraskan penyeliaan operasi kantin dan pengurusan kiosk makanan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- S25** Antara berikut, manakah **bukan** menerangkan proses pentadbiran pendidikan dengan tepat dalam konteks pengurusan pendidikan?
- I Mengawal fungsi pendidikan
 - II Melaksana fungsi pendidikan
 - III Merancang fungsi pendidikan
 - IV Membangun sistem pendidikan
- A I dan IV sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S26** Antara berikut, manakah merupakan strategi yang dapat merealisasikan konsep budaya cemerlang dalam pengurusan sekolah?
- I Bengkel dan latihan diberikan kepada staf di peringkat pertengahan dan bawahan sahaja
 - II Ganjaran atau anugerah perlu disediakan sebagai dorongan kepada kakitangan supaya lebih cemerlang
 - III Kakitangan yang kurang cekap dilengkapkan dengan kesedaran, komitmen dan motivasi terhadap tugas
 - IV Setiap kakitangan perlu dilengkapkan dengan pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja



Rajah S27

- S27** **Rajah S27** menunjukkan 3 cara komunikasi dengan pihak atasan dalam sesebuah organisasi. Manakah antara berikut menterjemahkan X dengan tepat?
- I Cikgu Emir menyampaikan aduan daripada ibu bapa kepada pengarah dengan segera
 - II Cikgu Sobirah melaporkan jumlah ketidakhadiran pelajar secara mingguan kepada pengarah
 - III Cikgu Ellia menghantar pencapaian peperiksaan kepada pengarah selepas membuat analisis
 - IV Cikgu Arsyad menghantar pasukan bola sepak ke pusat latihan untuk menjalani latihan mingguan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

- S28** Pengurusan pejabat dan kewangan sesebuah institusi pendidikan memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan matlamat organisasi tercapai. Oleh itu, pengurusan bahagian ini hendaklah dilaksanakan dengan cekap. Antara berikut, manakah menjelaskan peranan pentadbiran pejabat, kewangan, insfrustruktur dan pembangunan staf dengan tepat?
- I Menyelaras pembahagian kerja kepada staf akademik dan bukan akademik
 - II Menyelenggara bangunan dan insfrustruktur institusi dari semasa ke semasa
 - III Menyelaras kursus, latihan dan peperiksaan kepada staf akademik dan bukan akademik
 - IV Mengumpul data berkaitan dengan makluman perkhidmatan dan peribadi semua staf
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, II dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S29** Pengurusan kokurikulum di sesebuah institusi pendidikan hendaklah diuruskan dengan telus dan berintegriti. Antara berikut, manakah merupakan pengurusan kokurikulum yang tepat?
- I Menyediakan dan merancang latihan atau kursus kepada guru pembimbing dan murid
 - II Memastikan keselamatan murid semasa menyertai sebarang aktiviti kokurikulum
 - III Mengadakan pemilihan wakil institusi pendidikan untuk penyertaan aktiviti kokurikulum
 - IV Pengurusan peruntukan kewangan kepada setiap unit kokurikulum mengikut kebitaraan institusi
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S30** Antara berikut, manakah menerangkan fungsi Insituti Aminuddin Baki (IAB) sebagai pusat penyelidikan dan penilaian dengan tepat?
- I Menghasilkan organisasi pendidikan yang berkualiti selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi maju mengikut acuan sendiri
 - II Merancang, menyelaras dan mengawal selia program pembangunan kompetensi pensyarah IAB dalam bidang penyelidikan
 - III Merancang, menyelaras, mengawal selia dan mengkaji keberkesanan program latihan dalam bidang penilaian untuk pemimpin pendidikan
 - IV Merancang, menyelaras, mengawal selia dan mengkaji keberkesanan program latihan dalam bidang penyelidikan untuk pemimpin Pendidikan
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

- S31** Mengapakah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) semakin penting dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia?
- I Menyokong mobiliti tenaga kerja ke peringkat global
 - II Mendokong peningkatan ekonomi negara berasaskan pengetahuan
 - III Membantu negara membangunkan ekonomi negara secara menyeluruh
 - IV Memenuhi kehendak industri yang semakin berkembang bertunjangkan teknologi
- A I dan II sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S32** Antara berikut, manakah merupakan kriteria pelantikan pegawai penilai pertama dan pegawai penilai kedua?
- I Pegawai penilai mestilah mempunyai hubungan langsung dengan pekerja
 - II Tidak terdapat hubungan perkahwinan antara pegawai penilai dan pekerja
 - III Tempoh penyelia antara 5 hingga 12 bulan dari tempoh setahun penyeliaan
 - IV Pegawai penilai berada pada hierarki jawatan yang lebih tinggi daripada pekerja
- A I dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- S33** Penilaian tidak adil atau berat sebelah dapat dikurangkan dalam pentaksiran dengan kaedah berikut
- I memberikan latihan
 - II menentukan giliran pentaksiran
 - III memberi dan menerima maklum balas
 - IV pemilihan kaedah pentaksiran yang tepat
- A I dan II sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S34** Cikgu Y telah melanggar peraturan dan undang-undang perkhidmatan awam. Dia akan berhadapan dengan tindakan tatatertib seperti yang termaktub dalam peraturan perkhidmatan awam. Antara berikut, manakah merupakan turutan tindakan tatatertib perkhidmatan awam yang tepat?
- I Amaran
 - II Tahan gaji
 - III Buang kerja
 - IV Tahan naik pangkat
- A I, II, III dan IV
 - B II, I, IV dan III
 - C I, II, IV dan III
 - D I, IV, II dan III

- S35** Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan sebuah institut yang memainkan peranan penting dalam pendidikan Malaysia. Antara berikut, manakah **bukan** peranan utama Institut Aminuddin Baki?
- I Membina dan menjadikan sistem pentadbiran pendidikan tersusun dan sistematik
 - II Membina dan membangunkan modal insan yang utuh dari pelbagai aspek untuk mengharungi ranjau serta liku dalam pembelajaran
 - III Membangunkan profesionalisme dalam kepemimpinan dan pengurusan pendidikan untuk memajukan sistem pendidikan negara
 - IV Membangunkan sistem pentadbiran pendidikan dan disiplin pendidik supaya berjaya menjadi sistem yang maju pada masa akan datang
- A I dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S36** Antara berikut, manakah merupakan tujuan utama komunikasi di sesebuah institusi pendidikan?
- I Menyusun tugas staf akademik dan bukan akademik untuk mencapai visi institusi
 - II Menentu dan memantau perkembangan kerja staf akademik dan bukan akademik
 - III Mendorong staf akademik dan bukan akademik untuk melaksanakan tugas masing-masing
 - IV Menentu dan menghebahkan visi institusi kepada warga institusi serta merancang untuk mencapainya
- A I dan II sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S37** Manakah antara berikut merupakan tujuan Penyata Razak?
- I Mewujudkan masyarakat yang bertoleransi, berdisiplin, terlatih, liberal dan progresif
 - II Mengeratkan perpaduan antara kaum di Tanah Melayu dengan mewujudkan sekolah wawasan
 - III Meningkatkan ekonomi masyarakat Melayu di Tanah Melayu dengan memberi pelbagai bantuan
 - IV Menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar di sekolah
- A I dan II sahaja
B I dan IV sahaja
C II dan III sahaja
D II dan IV sahaja

- S38** Antara berikut, manakah **bukan** peranan pemimpin dalam konteks penyeliaan dan pembangunan institusi pendidikan untuk memastikan staf akademik dapat melaksanakan tugas seperti yang telah ditetapkan?
- I Program pembangunan staf hanya dikendalikan oleh pihak luar yang pakar sahaja
 - II Staf akademik perlu didedahkan dengan pembangunan terkini dalam inovasi pendidikan
 - III Pemimpin menyelia dan memantau staf akademik untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan staf tersebut
 - IV Program pembangunan staf dilaksanakan kepada staf secara bersasar sahaja untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan
- A I dan IV sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, II dan IV sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- S39** Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri pemimpin karismatik?
- I Berjaya mengubah pentadbiran organisasinya
 - II Mengubah sikap dan nilai etika staf di bawah seliaannya
 - III Mengurus secara kombinasi budi bicara dan pengupayaan
 - IV Mempunyai ramai pengikut yang setia kerana terinspirasi
- A I dan II sahaja
 - B I dan IV sahaja
 - C II dan III sahaja
 - D III dan IV sahaja
- S40** Antara berikut, manakah merupakan aspek-aspek utama yang diberi penilaian dalam Sistem Saraan Malaysia (SSM)?
- I Kualiti kerja
 - II Penilaian sahsiah
 - III Aktiviti dan sumbangan
 - IV Pengetahuan dan kompetensi
- A I dan II sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S41** “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) merupakan kesinambungan matlamat, aspirasi dan penyampaian pendidikan dari peringkat prasekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi dan seterusnya”.
Antara berikut, manakah **bukan** aspirasi sistem pendidikan Malaysia seperti termaktub dalam PPPM?
- I Perpaduan
 - II Kecekapan
 - III Dwibahasa
 - IV Pengetahuan
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S42** Tidak semua usul yang terkandung dalam Penyata Barnes dipersetujui oleh penduduk Tanah Melayu pada ketika itu. Antara berikut, manakah merupakan usul dalam Penyata Barnes yang ditentang sehingga terhasilnya Penyata Fenn-Wu?
- I Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di semua peringkat sekolah
 - II Hanya satu corak sekolah rendah iaitu sekolah kebangsaan untuk semua kaum
 - III Memajukan sekolah kebangsaan dan memperkenalkan dwibahasa dalam pengajaran
 - IV Sekolah hanya menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu atau bahasa Inggeris sahaja
- A I dan III sahaja
B II dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S43** Terdapat pelbagai teori kepimpinan yang membantu seseorang pemimpin memimpin organisasi untuk mencapai kecemerlangan. Antara berikut manakah menerangkan teori kepimpinan *Credibility based*?
- I Mudah didekati oleh staf dan pelajar
 - II Melibatkan diri dalam aktiviti pelajar
 - III Menyelesaikan masalah pelajar dengan segera
 - IV Mengingati nama staf akademik dan bukan akademik
- A I dan II sahaja
B I, II dan III sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

- S44** Manakah antara berikut merupakan konsep kokurikulum di sesebuah institusi pendidikan awam Malaysia?
- I Penyertaan murid hendaklah mengikut minat, bakat dan sukarela tanpa paksaan
 - II Organisasi dan kandungan kokurikulum hendaklah selari dengan Polisi Pendidikan Kebangsaan
 - III Guru memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan aktiviti supaya matlamat kokurikulum tercapai
 - IV Aktiviti sesuai dengan situasi, persekitaran, sosio-ekonomi budaya dan latar belakang institusi pendidikan tersebut
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S45** Manakah antara berikut **bukan** menerangkan pendidikan awam di Malaysia diuruskan dari aspek penilaian kurikulum?
- I Sentiasa melakukan penilaian terhadap tahap penguasaan setiap murid
 - II Dalam bidang pengurusan pendidikan, perancangan merupakan satu perkara yang diberi keutamaan berbanding penilaian
 - III Melakukan penilaian terhadap kurikulum serta mereka bentuk semula kurikulum setelah selesai pelaksanaan sesuatu program
 - IV Sesuatu proses untuk membolehkan kurikulum itu dapat disampaikan dengan cara yang betul melalui proses pembelajaran dan pengajaran
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S46** Antara berikut, manakah merupakan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia merealisasikan sekolah penyayang mengikut acuan Malaysia?
- I Memupuk budaya membaca, menghayati dan mengamalkannya
 - II Menegaskan perkhidmatan kebajikan dan kesejahteraan warga sekolah
 - III Kurikulum yang dibangunkan menegaskan tentang nilai kemasyarakatan
 - IV Memupuk dan menyemai perasaan sayang dalam kalangan warga sekolah
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

- S47** Cikgu Afrina merupakan pensyarah kolej vokasional yang tertakluk kepada peraturan penjawat awam negara. Antara berikut, manakah **bukan** hak Cikgu Afrina sebagai seorang pensyarah di kolej vokasional awam?
- I Gaji
 - II Cuti sakit
 - III Letak jawatan
 - IV Elaun perumahan
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja
- S48** Penilaian prestasi dilakukan untuk menentukan prestasi seseorang pekerja. Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri penilaian prestasi yang baik?
- I Keputusan penilaian adalah rahsia kepada pegawai yang dinilai
 - II Mengamalkan komunikasi terbuka dengan pegawai yang dinilai
 - III Menetapkan pempiawaan penilaian dengan pegawai yang dinilai
 - IV Menyenaraikan kriteria kerja yang berkaitan dengan pegawai yang dinilai
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S49** Pendidikan di Malaysia sentiasa berubah mengikut peredaran masa dan kemajuan teknologi. Oleh itu, sistem pendidikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi agar keselarasan dan kesepaduan arahan serta matlamat adalah sama. Antara berikut, manakah **benar** tentang sistem pendidikan Malaysia?
- I Pentadbiran pendidikan di Malaysia adalah secara berpusat
 - II Pendidikan prasekolah bermula pada umur kanak-kanak 4 hingga 7 tahun
 - III Pendidikan peringkat rendah adalah selama 6 tahun iaitu dari darjah 1 hingga darjah 6
 - IV Tujuan pendidikan prasekolah ialah memastikan pelajar menguasai asas membaca, menulis dan mengira
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

- S50** Sebagai seorang pendidik di institusi pendidikan, manakah tanggapan yang perlu diberikan kepada setiap murid mengikut konsep pelaksanaan sekolah penyayang?
- I Setiap murid cerdas
 - II Setiap murid pandai
 - III Setiap murid boleh dididik
 - IV Setiap murid boleh dibimbing
- A I dan II sahaja
B I, III dan IV sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S51** Antara berikut, manakah tepat menjelaskan ciri-ciri kepimpinan Teori *Transformational*?
- I Mengubah sikap dan nilai diri pekerja
 - II Pekerja bermotivasi dan komited melaksanakan tugas
 - III Berubah dari semasa ke semasa mengikut kepentingan organisasi
 - IV Mengurus dengan membekalkan maklumat, sokongan dan dorongan
- A I dan IV sahaja
B I, II dan III sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S52** Antara berikut, manakah tepat menerangkan domain dalam ciri-ciri pemimpin instruksional?
- I Mengurus program pengajaran dan kurikulum
 - II Mengurus organisasi dengan kemahiran mengurus yang tinggi
 - III Menjadikan institusi sebagai komuniti pembelajaran profesional
 - IV Menterjemahkan nilai dan tujuan institusi pendidikan dengan jelas
- A I dan II sahaja
B II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S53** Masalah disiplin seperti ponteng, peras ugut, buli, penyalahgunaan dadah dan lain-lain perlu dicegah seawal peringkat sekolah rendah lagi. Antara berikut, apakah pendekatan wawasan pendidikan yang paling sesuai diaplikasikan untuk mencegah dan memulihkan masalah tersebut?
- I Budaya ilmu
 - II Pengupayaan
 - III Budaya cemerlang
 - IV Sekolah penyayang
- A I dan II sahaja
B I dan III sahaja
C II dan IV sahaja
D III dan IV sahaja

- S54** Dalam konteks komunikasi, air muka seseorang itu adalah penting untuk diberi perhatian. Hal ini kerana air muka merupakan salah satu maruah yang sentiasa dititikberatkan oleh hampir semua orang. Berikut merupakan kebaikan menjaga air muka seseorang semasa berkomunikasi.
- I Mempercepatkan urusan
 - II Menjaga hubungan baik
 - III Mengelakkan salah faham
 - IV Mengekalkan rasa hormat
- A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja
- S55** Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan sebuah agensi yang telah diamanahkan untuk membantu meningkatkan kualiti sistem pendidikan Malaysia. Antara berikut, manakah merupakan fungsi IAB terhadap pendidikan di Malaysia?
- I Latihan
 - II Penerbitan
 - III Konsultasi
 - IV Pengukuhan
- A I dan IV sahaja
B I, II dan III sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV
- S56** Terdapat banyak teori kepimpinan yang diaplikasikan dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi. Antara berikut, manakah menerangkan Teori *Transactional* dengan tepat?
- I Kepimpinan berlandaskan pertukaran
 - II Pekerja yang rajin akan dinaikkan pangkat
 - III Beban tugas diberi berdasarkan gaji yang dibayar
 - IV Berfokuskan kualiti pembelajaran dan pengajaran
- A I dan IV sahaja
B I, II dan III sahaja
C II, III dan IV sahaja
D I, II, III dan IV

- S57** Penyelia memainkan peranan yang penting untuk memastikan kejayaan sesebuah organisasi di samping mengikut arahan daripada pemimpin tertinggi. Antara berikut, manakah merupakan ciri-ciri penyelia yang berjaya?
- I Bersifat proaktif
 - II Daya juang yang tinggi
 - III Sentiasa meningkatkan diri
 - IV Mempunyai sikap positif terhadap hidup
- A I dan II sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S58** Dalam usaha meningkatkan kompetensi pengetua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pelbagai ruang dan peluang kepada para pemimpin sekolah. Antara berikut, manakah merupakan rujukan dan panduan yang digunakan untuk penetapan *National Professional Qualification for Educational Leaders* (NPQEL)?
- I Wawasan 2020
 - II Rukun Negara
 - III Dasar Pendidikan Kebangsaan
 - IV Falsafah Pendidikan Kebangsaan
- A I dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV
- S59** Seseorang pemimpin perlu menguasai pelbagai bidang untuk membolehkannya mengurus organisasi dengan cekap. Manakah antara berikut merupakan kompetensi yang perlu ada pada seseorang pemimpin dalam konteks pemimpin institusi pendidikan?
- I Kompetensi sosial
 - II Kompetensi pedagogi
 - III Kompetensi keperibadian
 - IV Kompetensi profesional mengajar
- A I dan IV sahaja
 - B II dan III sahaja
 - C I, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

- S60** Kurikulum yang telah dirancang dan ditetapkan oleh kementerian atau institusi pendidikan hendaklah dicapai selaras dengan keperluan pembangunan sesebuah negara. Antara berikut, manakah perkara-perkara yang perlu dilaksanakan untuk mencapai matlamat kurikulum?
- I Pengurusan ujian dan peperiksaan perlu mengambil kira kurikulum yang telah ditetapkan
 - II Penggunaan peralatan dan sumber teknologi mesti diaplikasikan dalam semua sesi pembelajaran dan pengajaran
 - III Aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang dirancang perlu disesuaikan untuk mencapai kurikulum yang telah ditetapkan
 - IV Kurikulum dan silabus mata pelajaran hendaklah selari supaya dapat melahirkan modal insan mengikut acuan Malaysia
- A I, II dan III sahaja
B I, II dan IV sahaja
C I, III dan IV sahaja
D II, III dan IV sahaja

BAHAGIAN B

- S61** Institusi TVET sentiasa berubah mengikut keperluan dan peredaran zaman. Kepentingan institusi ini terhadap pembangunan negara tidak dapat disangkal lagi. Hal ini termasuklah dari segi membekalkan tenaga kerja separa mahir mahupun mahir. Berdasarkan kepentingan TVET yang telah dan sedang dilaksanakan di Malaysia, huraikan 5 rasional institusi TVET terhadap pembangunan masyarakat Madani di negara ini berserta dengan contoh yang sesuai.

(20 markah)

- S62** Penilaian prestasi merupakan penilaian yang dijalankan untuk menentukan prestasi seseorang. Penilaian prestasi boleh dilaksanakan dengan pelbagai cara bergantung kepada amalan sesebuah organisasi dan objektif yang hendak dicapai. Walau bagaimanapun, timbul masalah ketidakpuasan hati pegawai yang dinilai terhadap penilaian pegawai penilai. Bincangkan 5 masalah penilaian prestasi yang sering berlaku berserta dengan contoh yang sesuai.

(20 markah)

-SOALAN TAMAT-